

***Al-Sulh* Sebagai Kerangka Pemikiran Bagi Menggerakkan Transformasi Politik Ummah**

MOHD NAKHAIE AHMAD

Pendahuluan

Tujuan kertas kerja ini ialah untuk menjelaskan konsep al-Sulh sebagai teras bagi menghasilkan kerangka pemikiran yang dapat dijadikan landasan pembentukan plan tindakan untuk menzahirkan alternatif kepada perjuangan politik umat masa kini. Yang dimaksudkan dengan konsep al-Sulh di sini bukanlah konsep yang berkaitan dengan akad bagi menyelesaikan pertikaian seperti yang dibicarakan dalam kitab-kitab fiqh. Tetapi ia dapat diertikan sebagai sintesis iaitu penggabungan dan interaksi unsur-unsur keserasian daripada dua kumpulan atau lebih yang saling bertentangan sama ada pertentangan itu berbentuk sosial atau pemikiran. Yang membolehkan penggabungan itu berlaku ialah kerana adanya pemangkin yang menggerakkannya sama ada ia merupakan kepentingan bersama atau keperluan untuk mengelak mudarat yang akan menimpa kesemua pihak atau lain-lain perkara yang menyebabkan pelbagai pihak melupakan perselisihan dan menumpukan usaha ke arah merealisasikan keinginan dan kepentingan bersama.

Rasional daripada tajuk yang dibincangkan ini ialah untuk menemukan suatu penyelesaian yang berbentuk pemikiran dan pergerakan dalam menghadapi dilema politik umat masa kini dan pertentangan-pertentangan bahkan permusuhan antara puak dan hisb dalam suasana kepelbagaian yang terdapat di seluruh masyarakat dunia. Dengan penyelesaian itu umat Islam dapat melangkah ke masa hadapan di bawah sinar lebih cerah iaitu dengan penghayatan politik Islam yang berakar umbikan kepada kefahaman mendalam dihasilkan daripada pengalaman dan penemuan-penemuan dari pengalaman, ilmu pengetahuan dan kerja-kerja ilmiah. Bukan berasaskan ketohoran ilmu yang terukir daripada perasaan dan tanggapan nanar dalam menghadapi persoalan ummah masa kini.

Pengetahuan masyarakat mengenai politik Islam sedang dikongkong dan di kurung dalam tembok ketaksuban politik kepartian, sehingga apa juga penemuan dan pemikiran politik Islam yang dihasilkan di luar tembok tersebut, tidak dianggap sebagai politik Islam. Tujuan daripada menzahirkan alternatif yang dimaksudkan ialah untuk mengembangkan pengetahuan masyarakat (tathqif) dan membangkitkan kesedaran politik berdasarkan ilmu serta penemuan-penemuan baru politik Islam yang tidak terbatas kepada tasawwur yang terukir dan berpusar dalam lingkungan parti-parti politik.

Di dalam melaksanakan gerakan kesedaran dan tathqif ini, kita mesti jelas di mana harus bermulanya kerja-kerja yang akan dilaksanakan. Kita tidak boleh melangkah seratus langkah ke hadapan tanpa langkah pertama. Dalam memulakan langkah pertama ini, bagi apa jua langkah teratur dan bermatlamat perlu kepada kerangka pemikiran praktis yang akan memandu kita untuk membuat perancangan dan merangka pelan tindakan untuk memastikan keberkesanan gerakan ini. Ia menjadi pedoman gerak-kerja harian, mingguan, bulanan dan tahunan yang akan dilaksanakan bagi penyebaran pengetahuan politik Islam dan kesedaran mengenai peranannya.

Gerakan ini merentasi sempadan puak dan kepartian. Ia adalah pergerakan untuk ummah keseluruhannya dengan harapan bahawa kesedaran dan pengetahuan politik yang

didasari pengalaman dan pengetahuan mendalam dapat mengurangkan jurang perbezaan yang menimbulkan konflik. Pergerakan ini bukan hanya untuk zaman ini, tetapi juga untuk membina acuan pemikiran politik masa hadapan yang dijangka menghadapi cabaran lebih besar.

Kerangka Pemikiran Al-Sulh

Dalam menyediakan kerangka pemikiran yang dinamakan sebagai al-Sulh ini saya berpandukan kepada perubahan sejarah yang mengikut pengkaji-pengkaji di bidang ilmu sosiologi bahawa sejarah bergerak menuju rasionalisasi. Salah satu bentuk rasionalisasi ialah aksi iaitu pengorganisasian cara yang dengannya berlaku gerak kerja lebih cekap, efisien dan berkaedah bagi mencapai apa jua matlamat signifikan yang ditetapkan. Langkah Saidina Umar membentuk Dewan-dewan bagi mengurus harta rampasan perang yang banyak dan tindakan yang diambilnya untuk tidak membahagikan harta rampasan perang yang berupa tanah-tanah pertanian di Iraq, dan sebagai ganti menyerahkan kembali kepada petani-petani di Iraq dan mengambil al-Kharaj daripada mereka, adalah contoh rasionalisasi tersebut.

Contoh rasionalisasi jenis ini di dunia moden ialah kapitalism dan pembirokrasian organisasi. Matlamat kapitalism ialah untuk menggerakkan cara ekonomi dengan cekap bagi mencapai kemuncaknya. Sementara pembirokrasian pula ialah untuk mencapai tahap pentadbiran yang terbaik dan cekap. Kapitalism dan birokrasi adalah dua contoh aliran sejarah dunia menuju rasionalisasi aksi. Ada pun pergerakan sejarah Islam dan kebangkitannya merupakan proses rasionalisasi kearah melahirkan masyarakat bertamadun yang beriman dan bertaqwa.

Berdasarkan kepada sunnah perjalanan sejarah ini, kehidupan yang tidak bergerak ke arah rasionalisasi, tergelincir dari landasan sejarah dan akan ketinggalan zaman. Ia akan hanya menjadi sejarah zaman lampau tetapi tidak lagi sebagai peristiwa yang menggerakkan sejarah. Proses rasionalisasi umat Islam seharusnya terus positif untuk mencipta sejarah dan menentukan sejarah masa hadapan.

Max Weber dan penulis-penulis di kalangan ilmuwan Islam umumnya bersetuju bahawa proses rasionalisasi itu tidak berlaku tanpa perubahan spiritual. Ini menemukan kita dengan pesan Allah S.W.T “Bahawa Allah S.W.T tidak mengubah keadaan yang ada di dalam kehidupan sesuatu kaum itu sehinggalah mereka mengubah apa yang ada dalam diri mereka.” Perubahan spiritual boleh menjadikan proses tersebut suatu yang bermakna kepada pelaku aksi yang terlibat. Ia berlaku secara besar-besaran. Justeru itu perlu adanya reformasi yang membawa perubahan tersebut. Perubahan dan pembinaan semula kerohanian adalah penting bagi menggerakkan perubahan sejarah menuju ke arah pembentukan kehidupan manusia yang tersusun yang dapat memanfaatkan potensinya untuk mencapai matlamat kehidupan tertinggi yang ditetapkan oleh sesuatu masyarakat dan negara.

Mampukah umat Islam menggerakkan kembali proses rasionalisasi sejarahnya supaya proses itu sentiasa bergerak ke hadapan dan mencipta sejarah kebangkitan semula yang didambakan? Apakah kekuatan dan kelemahan yang dimiliki umat untuk memastikan berlakunya ramalan bahawa “Masa hadapan untuk Islam”, seperti yang diungkapkan oleh beberapa kalangan ahli fikir.

Bagi sarjana Barat, pusat bagi pergerakan sejarah di mana berlakunya rasionalisasi secara besar-besaran ialah di Barat. Ledakan pemikiran, ilmu pengetahuan dan sains,

hanya berlaku di Barat.¹ Ini tidak berlaku ditempat-tempat lain melainkan dalam jangka waktu yang singkat di mana ia terjadi di dunia Islam sedikit di China dan India. Di tempat-tempat lain daripada Barat, rasionalisasi berlaku sama ada secara *defusion* atau perkembangan sendiri yang amat perlahan. Di Baratlah proses rasionalisasi itu bergerak dengan pesatnya di sepanjang sejarah.

Tetapi muncul di kalangan sarjana-sarjana Barat juga yang melihat potensi Islam untuk bangun semula dengan pelbagai kekuatan yang dimilikinya. Sarjana-sarjana ini memberi peringatan tegas kepada dunia Barat, cabaran Islam terhadap tamadun yang mereka pertahankan. Kenyataan ini, umpamanya diungkapkan oleh Paul Schmitz, Huntington dan lain-lain. Bagi mereka Islam mempunyai potensi untuk menguasai dunia di masa hadapan. Dengan tegas Sayid Qutb menyatakan bahawa masa hadapan adalah untuk Islam.²

Melihat dari perspektif al-sulh kedua-dua aliran pandangan ini mampu disintesis dan terbentuk suatu pemikiran baru yang melihat sejarah tidak hanya berlaku dalam kehidupan manusia dari bangsa dan golongan tertentu sahaja. Ia adalah proses yang bersifat universal dan tidak hanya digerakkan oleh faktor-faktor ekonomi dan teknologi semata-mata. Di Barat kita lihat kesedaran telah membuka ruang untuk kemajuan sains dan teknologi yang menggerakkan tamadun moden. Tetapi kebangkitan Islam yang menggerakkan tamadunnya, tidak disebabkan faktor-faktor yang berpunca daripada perkembangan ilmu sains dan kemajuan ekonomi. Tamadun Islam bermula dengan kebangkitan kerohanian dan pemikiran iaitu membetulkan hubungan manusia dan Pencipta di atas paksi tauhid. Diikuti dengan perubahan paradigm ilmu pengetahuan yang baru yang melihat alam secara real dan bukan lagi sebagai khayalan dan tahyul. Kebangkitan Islam turut didorong oleh kesedaran manusia Muslim di lapangan kerohanian dan kemasyarakatan yang diintegrasikan sehingga mampu menggarap kemajuan di bidang-bidang lain dan mencorakkan tamadunnya yang tersendiri.

Apakah perlunya sintesis mengenai penggerak proses rasionalisasi ini dalam kerangka pemikiran al-Sulh?

Sintesis pemikiran ini perlu untuk membina keyakinan bahawa Islam mampu bergerak ke hadapan dan keyakinan bahawa pergerakan sejarah Islam, menuju rasionalisasi berlaku dengan caranya tersendiri. Islam meledakkan perubahan sejarah manusia secara besar-besaran menerusi kekuatannya sendiri. Keyakinan terhadap keupayaan Islam ini penting bagi membina keazaman untuk menggerakkan perubahan dan mentransformasikan politik umat daripada politik berkelompok dan kepartian kepada politik ummat. Ini dilakukan melalui usaha membangkitkan kesedaran melalui pengalaman dan pengetahuan.

Dunia Islam diakui mempunyai potensi besar untuk bangun kembali menjadi kuasa dominan di masa hadapan. Bagi Paul Schmitz, antara potensi paling penting dunia Islam ialah kedudukan geografinya di kawasan strategik, jumlah manusianya yang ramai dan kian bertambah serta kekayaan alamnya yang begitu banyak.³ Tetapi pada hakikatnya, kekayaan alam, kedudukan geografi di kawasan strategik dan jumlah manusia yang ramai belum tentu menjadi potensi bagi suatu kebangkitan. Melainkan jika tenaga manusia yang banyak itu muncul sebagai tenaga yang terlatih dan berpengetahuan. Jika tidak ia mungkin menjadi beban akibat dibelenggu kemiskinan, buta huruf dan berpenyakit. Ini bermakna bahawa tathqif mempunyai peranan penting. Gerakan kebudayaan pengalaman dan pengetahuan adalah kemestian bagi menggerakkan perubahan.

¹ Diungkapkan oleh, misalnya, Carl Sagan dalam bukunya *The Demond-Haunted World* dan Max Weber dalam *The Critian Ethics and The Spirit of Capitalism*.

² Sayid Qutb, *Al-Mustaqbal Li Haza al-Din*, Darul-Syruq, Cairo,tt

³ Lihat, Schmitz, *Islaam Quwwatu Al-Alamiyyatul Ghad*,

Kekayaan hasil bumi yang menjadi potensi kebangkitan, bergantung kepada keupayaan memanfaatkannya secara berhemat bagi meningkatkan keupayaan ekonomi, kemahiran, pengurusan yang berjaya dan sebagainya yang menjadi pemangkin kepada kemajuan. Kekayaan hasil bumi dan bahan-bahan mentah sahaja belum tentu akan menggerakkan kebangkitan yang diharapkan. Sebaliknya modal, tenaga manusia yang terlatih dan bermaklumat serta ilmu pengetahuan boleh menjadikan sesebuah negara mencapai tahap rasionalisasi yang tinggi dan boleh menggunakan kekayaan hasil bumi negara jiran atau negara-negara lain. Kita perlu mempunyai pengetahuan dan kesedaran seperti ini untuk menyediakan keperluan bagi berlakunya al-Sulh. Kekuatan kita sebenar dan sebagai teras bagi pembinaan kekuatan yang lainnya ialah kekuatan jati diri yang berteraskan keimanan dan ketaqwaan yang dengan adanya kekuatan ini, segala kekuatan lain seperti pengetahuan, kemahiran, bilangan manusia muslim yang ramai dan lain-lain tidak membawa kekecewaan kepada kita pada akhirnya.

Tiga Pilihan Menggerakkan Rasionalisasi

Dunia Islam boleh mendapatkan apa yang diperlukan dengan membeli daripada orang lain dan menggunakannya mengikut manual yang disediakan oleh pengeluar. Untuk mendapatkan latihan tenaga mahir, memperolehi ilmu dan maklumat serta memajukan teknologi, terpaksa bergantung kepada negara yang memberikan bantuan kepadanya. Ia hanya menjadi mustahlik dan tiada kekuatan untuk menjadi negara pengeluar. Dengan pergantungan dan pertolongan itu ia dapat memanfaatkan kekayaannya untuk menggerakkan rasionalisasi menuju negara maju.

Pilihan kedua, negara Islam membangun sendiri mengikut acuannya. Segala keperluannya kepada tenaga mahir yang terlatih, ilmu pengetahuan dan sebagainya diusahakan mendapatnya dengan memulakan langkah menyambung kembali tradisi keilmuan dan peradaban Islam berasaskan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Pilihan ketiga, membangunkan kekuatannya sendiri dengan menyambung kembali tradisi keilmuan dan peradaban Islam di samping mengimport daripada sumber tamadun lain, elemen-elemen yang melengkapkan keperluannya, terutama keperluan kepada sains dan teknologi.

Bagi menggerakkan proses rasionalisasi menuju kemajuan beracuan sendiri, dunia Islam memerlukan segala keperluan yang disyaratkan untuk mencapai kemajuan hari ini. Ia memerlukan jati diri, keupayaan dan kekuatan moral, tenaga manusia yang terlatih dan mahir, ilmu pengetahuan dan sumber asli, modal dan kesetablian politik. Tidak semua keperluan untuk menggerakkan rasionalisasi dapat disediakan daripada sumber dalaman. Dalam hal ini sumber luaran dari negara atau dari tamadun lain menjadi kemestian untuk kita menerimanya. Namun penerimaan itu bukan dengan melanjutkan budaya mustahlik, tetapi melalui kesedaran perlunya menguasai pengetahuan terhadap kepakaran orang lain itu dan membudayakannya mengikut acuan sendiri. Di sinilah peranan al-sulh dalam pemikiran dan tindakan, di mana proses sintesis yang sempurna itu berlaku secara *basirah*.

Salah satu potensi dunia Islam yang gagah ialah wujudnya teras budayanya yang menjalin umat di seluruh dunia iaitu agama Islam. Perasaan cintakan Islam meninggalkan kesan mendalam dalam pembentukan budaya masyarakat Islam di seluruh dunia. Persamaan teras budaya umat Islam di seluruh dunia merupakan kekuatan yang sangat besar. Persaudaraan Islam masih mempunyai akar umbi yang kukuh untuk dihidupkan semula. Namun untuk membolehkan rasionalisasi secara besar-besaran berlaku dengan potensi dan kekuatan tersebut, penghayatan Islam di kalangan ummah memerlukan

reformasi atau islah. Dengan adanya islah yang tersusun, potensi kerohanian, budaya dan pemikiran dapat digerakkan kembali untuk kesedaran spiritual ummah sebagai pemangkin kepada proses rasionalisasi besar-besaran.

Al-Sulh dan Transformasi Politik Ummat

Kembali kepada tujuan asal kita iaitu untuk memanfaatkan al-Sulh sebagai kerangka pemikiran bagi mewujudkan persekitaran politik Islam yang sebenar berasaskan kepada kefahaman dan amalan politik yang di luar kota parti-parti politik.

Politik umat masa kini direalisasikan dalam bentuk kepartian yang berpaksikan kepentingan dan perebutan kuasa. Walaupun setiap parti itu mempunyai tujuan-tujuan yang murni, tetapi dari segi praktisnya, kepentingan untuk berkuasa mengatasi idealism yang termaktub di dalam perlembagaan setiap parti politik itu. Keadaan ini, sebenarnya dibentuk acuannya oleh warisan tamadun umat Islam di zaman kemunduran dan keruntuhannya. Kecenderungan untuk berpecah dan bermusuhan amat ketara di dalam persekitaran kemunduran dan kekalahan.

Impak daripada kekalahan dan penjajahan, berlaku perbezaan dan pertentangan ideologi antara parti-parti politik di kalangan umat Islam. Sebahagiannya mendokong ideologi Barat dan sebahagian yang lain berhasrat mengembalikan kemenangan untuk Islam, tetapi bekecimpung di dalam perlumbaan merebut kuasa dalam sistem demokrasi ciptaan Barat dan mencari di arena politik mengikut rentak lagu-lagu Barat. Sebahagiannya meneruskan perjalanan mengikut jalan dakwah tetapi kerana begitu lama menanti kejayaan yang didambakan terperangkap dalam kegiatan takfiri yang tidak terelakkan daripada bertindak ganas sebagai jalan terakhir untuk mencapai kemenangan.

Kecelaruan dalam pergerakan politik masyarakat Islam begitu ketara. Pertanyaan paling strategik dalam mendepani kemelut politik ini cara penyelesaiannya. Apakah yang boleh dilakukan untuk umat keluar daripada kemelut politik ini?

Jawapan kepada pertanyaan itu merupakan perjuangan nafas panjang yang memerlukan ribuan langkah ke hadapan. Namun langkah pertama adalah paling penting dan sebagai permulaan bagi langkah-langkah ke hadapan berikutnya. Langkah pertama ini begitu penting iaitu menempatkan kembali sejarah politik umat di atas landasan menuju rasionalisasi. Untuk itu kekuatan dan potensi umat yang berpecah-belah perlu disatukan untuk membina kekuatan padu bagi menembusi halangan-halangan untuk meletakkan politik Islam di atas landasan menuju rasionalisasi.

Penyatuan tenaga dan kekuatan yang terdapat di dalam pergerakan politik umat Islam yang berkecai itu, bukan menerusi perundingan dan persetujuan di meja perundingan untuk menyatukan parti-parti politik tersebut tetapi menerusi proses al-Sulh yang digerakkan umat keseluruhannya. Ini dilakukan sebagai langkah pertama menerusi usaha mentathqif umat mengenai politik Islam di luar kefahaman parti-parti politik. Kefahaman politik bersumberkan ilmu pengetahuan dan pengalaman politik umat Islam sepanjang sejarah perlu dibentuk di dalam minda umat supaya dibudayakan dalam kehidupan mereka dan mempengaruhi gerakan politik umat di dalam apa jua wadah politik yang disertainya.

Proses pembudayaan politik Islam berpaksikan ilmu pengetahuan dan pengalaman ini merupakan cara paling berkesan untuk menyatukan tenaga dan kekuatan politik Islam bagi mendepani cabaran di masa kini dan masa hadapan. Namun, harus disedari bahawa

langkah pertama ini pun adalah merupakan perjuangan nafas panjang yang memerlukan kesabaran dan usaha konsisten yang tidak mengenal lelah, jemu dan kecewa.